

Naratif Sosioekonomi Masyarakat Melayu Dalam Novel Terpilih Keris Mas
Socioeconomic Narrative of Malay Society in Selected Novels by Keris Mas

Abdul Wahab Alias
awba04@yahoo.com.my

Azhar Bin Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

Received: 10 March 2025; Published: 01 November 2025

Cite this article (APA) as:

Alias, A. W., & Wahid, A. (2025). Naratif Sosioekonomi Masyarakat Melayu Dalam Novel oleh Keris Mas. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 13(2), 42 - 50. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/202>

ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Sumber data kajian Adalah dua buah novel terpilih karya Sasterawan Negara Keris Mas berjudul 'Anak Titiwangsa' (1967) dan 'Rimba Harapan' (1986). Kajian bertujuan menganalisis gambaran pergerakan sosioekonomi Masyarakat Melayu berpandukan prinsip mitologi Semiotik Roland Barthes (1972). Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dibincangkan secara deskriptif. Hasil analisis menunjukkan bahawa Keris Mas telah menyalurkan gambaran kehidupan sebenar masyarakat Melayu dan menyuarakan teguran kepada masyarakat yang leka serta tidak menggunakan peluang dan ruang yang telah diberi kepada mereka melalui dasar kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru. Pengarang menyampaikan teguran dengan menggunakan makna-makna tertentu bagi menjelaskan situasi dan keadaan masyarakat Melayu pada zaman sebelum dan semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Hasil analisis yang dilakukan, kajian ini merumuskan karya yang dihasilkan mampu menyalurkan maklumat kepada masyarakat sekali gus berperanan penting sebagai alat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bangkit dan memperbaiki ekonomi keluarga.

Kata kunci: Naratif, Sosioekonomi, Masyarakat Melayu; Dasar Ekonomi Baru, denotatif

ABSTRACT

This is a qualitative study using the library research method. The source of the study data is two selected novels by Malaysian National Laureate Keris Mas titled 'Anak Titiwangsa' (1967) and 'Rimba Harapan' (1986). The study aims to analyze the description of the socio-economic movement of the Malay community based on the principles of Roland Barthes' Semiotic mythology (1972). The data is analyzed using the content analysis method and discussed descriptively. The results of the analysis show that Keris Mas has channeled a description of the

real life of the Malay community and voiced reprimands to the community who are complacent and do not use the opportunities and space that have been given to them through the government policy, namely the New Economic Policy. The author delivers reprimands by using certain meanings to explain the situation and conditions of the Malay community in the era before and during the implementation of the New Economic Policy. The results of the analysis conducted, this study concluded that the work produced is able to channel information to the community and thus plays an important role as a tool to provide awareness to the community to rise up and improve the family economy.

Keywords: Narrative, Socioeconomics, Malay Society; New Economic Policy, denotative

PENGENALAN

Karya sastra merupakan salah satu medium yang digunakan dalam menyampaikan falsafah dan pemikiran terhadap keadaan masyarakat yang meliputi perkara berkaitan sosial, ekonomi dan budaya. Peranan pengarang dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Dalam bentuk penceritaan secara tersurat atau tersirat. Maka makna dalam bahasa yang digunakan oleh pengarang memainkan peranan yang penting dalam memastikan mesej dapat difahami oleh masyarakat dengan sistem-sistem tanda yang diterangkan oleh pengarang dalam menghasilkan karya.

Keris Mas telah menggunakan sistem-sistem tanda dalam hasil karya yang dihasilkan bagi menegur dan menyampaikan maklumat kepada pembaca. Kedua-dua karya yang dipilih sebagai teks kajian memperlihatkan sistem-sistem tanda yang memberi makna terhadap sistem sosioekonomi masyarakat Melayu terutamanya pada era Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalaui dua buah karyanya, iaitu 'Anak Titiwangsa' (1967) dan 'Rimba Harapan' (1986) dengan pendekatan semiotik oleh Barthes (1972). Sistem tanda diperlihatkan melalui dialog, adegan dan peristiwa yang berlaku di sekeliling watak-watak dalam karya.

Analisis naratif yang telah dibuat dan dikupas oleh sarjana-sarjana terdahulu di antaranya novel 'Anak Titiwangsa' dalam *Jurnal Iman* (2015) berjudul 'Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas oleh Mohd Daud dan Rohaidah Kamaruddin'. Dalam kajian ini, naratif 'Anak Titiwangsa' dianalisis bagi menemukan mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Kajian yang mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci yang telah diperkembangkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan yang terdiri daripada tiga prinsip, iaitu prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan dan prinsip kesan. Kajian mendapati dalam Anak Titiwangsa sarat dengan mesej kepentingan dan kesedaran menuntut ilmu yang didorong oleh faktor pendidikan yang diterima dari pelbagai negara (Malaysia, Indonesia, Singapura), persatuan yang diikuti seperti ASAS50 yang mendukung konsep "Seni untuk Masyarakat", lapangan bidang yang diceburinya seperti sebagai wartawan, penulis, dan pegawai penerangan serta anugerah yang diperoleh oleh beliau. Selain itu, pengalaman dan perjalanan hidup dalam dunia persuratan di negara ini turut menjadi cetus idea kepada pengarang dalam menyampaikan mesej-mesej berkaitan kepentingan ilmu pengetahuan dalam karya yang dihasilkan. Mesej kepentingan menuntut ilmu dalam kata kunci hakikat rasa dalam menuntut ilmu, dorongan menuntut ilmu dan keburukan tidak menuntut ilmu.

Menurut Rohimi Noor (2002) dalam kajian yang berjudul 'Tema-Tema dan Isu-isu dalam Karya Keris Mas 'Jungle of Hope' - Suatu Perspektif Sosiologi' telah menganalisis naratif novel alih bahasa Inggeris 'Rimba Harapan' (1986) tertumpu kepada konflik hidup tradisional dan cara hidup moden. Kajian Rohimi mengaplikasikan tiga teori sosiologi, iaitu *Functionalism*, *Marxism* dan *Symbolic Interactionism* untuk menganalisis tema-tema dalam karya. Teori *functionalism* mampu memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tema konflik di antara cara

hidup tradisional atau moden dan beriman kepada Tuhan. *Teori Symbolic interactionism* pula memberi pengetahuan yang mendalam berkaitan tema penyesuaian kepada perubahan dan teori *Marxism* mengukuhkan pemahaman berkaitan tema kebimbangan, ketidakserasian disebabkan pemindahan, dan eksploitasi sesama manusi dan masyarakat yang menyesuaikan diri kepada perubahan, kebimbangan tentang ketidakserasian disebabkan pemindahan dan beriman kepada Tuhan.

Dalam kajian oleh Wan Anis Ilani dan Haslina Haroon (2019) yang bertajuk Terjemahan 'Ritual Islam dalam Novel Rimba Harapan' kepada Bahasa Perancis ini menumpukan kepada elemen keagamaan yang merupakan aspek budaya yang dikenal pasti sering menimbulkan masalah dalam terjemahan. Elemen ritual Islam yang terkandung dalam novel yang diterjemahkan berdasarkan analisis yang mempunyai 31 elemen ritual Islam dalam novel 'Rimba Harapan' edisi bahasa Melayu. Kajian memperlihatkan bahawa penterjemah cuba untuk mengekalkan keaslian teks sumber melalui penggunaan prosedur dan memastikan pembaca dapat memahami teks terjemahan dengan baik. Berdasarkan kajian naratif yang terdahulu membuktikan bahawa karya beliau sarat dengan pemikiran dan mesej yang berkait rapat dengan keadaan sosial masyarakat. Ini dapat dilihat dalam novel 'Anak Titiwangsa' yang menekankan persoalan ilmu yang menjadi permasalahan masyarakat pada era 1960-an, iaitu keterbatasan masyarakat untuk mendapatkan pendidikan dan permasalahan sosial. Menurut A. Rahim (2001) Rimba Harapan berjaya memaparkan realiti sosial orang Melayu. Pembangunan masyarakat Melayu yang terjadi dalam novel 'Rimba Harapan' digambarkan sebagai pengeluar setia, tetapi mereka tidak dapat menjadi pemasar atau pemegang ekonomi yang utama.

Menurut kajian lepas bahawa karya-karya Keris Mas sarat dengan mesej dan nilai pengajaran yang dapat menjadi panduan dan pedoman masyarakat Melayu dan kehidupan realiti masyarakat Melayu yang digarap dengan bahasa yang indah serta berperanan menjadi dokumen sosiobudaya masyarakat. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti mesej-mesej sosioekonomi masyarakat Melayu yang diperlihatkan dalam karya-karya beliau bagi melihat pembangunan sosioekonomi masyarakat Melayu dalam era pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

OBJEKTIF

Objektif kajian adalah untuk mengkaji aspek sosioekonomi dalam dua buah novel terpilih Keris Mas yang bertajuk, 'Anak Titiwangsa' (1967) dan 'Rimba Harapan' (1986) dengan menggunakan pendekatan semiotik yang tertumpu kepada Mitologi Roland Barthes (1972). Pemilihan novel Keris Mas ini berdasarkan justifikasi yang pertama, novel yang dihasilkan oleh Keris Mas memang telah diperakui kredibiliti karya-karya tersebut. Novel 'Anak Titiwangsa' (1967) dan Rimba Harapan (1986) telah diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka khas sebagai Edisi Khas Sasterawan Negara. Pemilihan tersebut telah melalui pemilihan yang ketat dan diadili oleh panel penilai yang dilantik khas. Selain itu, dua buah novel ini dipilih kerana memperlihatkan aspek sosioekonomi orang Melayu pada sebelum dan semasa era Dasar Ekonomi Baru.


METODOLOGI

Analisis ini menggunakan heberapa kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber berkaitan dengan kajian karya Keris Mas serta memfokuskan aspek ekonomi dan sistem tanda. A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Kajian berasaskan analisis teks dipilih

sebagai kaedah utama. Kaedah analisis kandungan, iaitu pembacaan secara teliti terhadap teks kajian, diikuti pemilihan aspek ekonomi yang menjadi fokus kajian. Aspek ekonomi tersebut dianalisis berdasarkan pendekatan semiotik yang tertumpu kepada Mitologi Roland Barthes (1972).

Teori Semiotik oleh Roland Barthes (1972) menjelaskan tentang dua tingkat pertandaan, iaitu denotasi dan konotasi. Konotasi berasal dari bahasa Latin *connotare* yang bermaksud "menjadi makna" dan mengarah kepada tanda-tanda budaya dan berbeza dengan kata. *Signification* difahami sebagai proses yang melibatkan tindakan antara *signifier* dan *signified* untuk menghasilkan tanda. Hal ini bermaksud bahawa *signified* diungkapkan dengan menggunakan *signifier* dan *signifier* diungkapkan dengan menggunakan *signified*. Hubungan antara *signifier* dan *signified* dijelaskan melalui istilah *denotation* dan *connotation*. *Denotation* bermaksud sesuatu yang literal, bersifat tetap dan memiliki makna yang ideal. Manakala konotasi perubahan makna kata secara asosiasi.

Teori Semiotik Roland Barthes 2 Tahap Signifikasi



DAPATAN KAJIAN

Menurut *Kamus Dewan* (2019), sosio berkaitan dengan faktor sosial (kemasyarakatan), ekonomi pula berkaitan ilmu bukan pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan, manakala sosioekonomi berkaitan dengan, melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi. Dengan kata lain, sosioekonomi ialah berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat. Kedua-dua aspek ini saling berkait rapat dalam pembangunan ekonomi masyarakat Melayu. Atas kesedaran tersebut, pengarang menyalurkan aspek sosioekonomi dalam karya sastera yang dihasilkan. Perkara tersebut diperlihatkan oleh pengarang sama ada secara langsung dan tidak langsung. Perkara ini akan dirungkai dalam memperlihatkan sosioekonomi masyarakat Melayu dari pasca DEB sehingga dalam fasa pelaksanaan DEB.

Antara faktor sosial budaya yang penting dalam mempengaruhi pembangunan ekonomi masyarakat Melayu, iaitu pendidikan. Kepentingan pendidikan dalam mempengaruhi sosioekonomi masyarakat Melayu disalurkan oleh pengarang melalui watak Sudin dan Karim. Watak Sudin dan Karim merupakan simbol yang digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan kepentingan pendidikan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat. Berdasarkan watak Sudin pengarang menonjolkan masyarakat yang terpaksa menuntut ilmu

kerana tidak ada pilihan. Manakala watak Karim ditonjolkan sebagai gambaran kepada ibu bapa yang kurang mempunyai kesedaran terhadap pentingnya pendidikan. Pengarang menyalurkan dalam peristiwa Sudin yang terpaksa meneruskan pembelajarannya meskipun berasa jemu dan tidak bersemangat. Hal ini diperlihatkan dalam novel 'Anak Titiwangsa' (1967) di bawah:

Buku-buku ini makin hari makin terasa menyiksa diri saya; menjemukan dan kadang-kadang saya rasa nak muntah melihat buku" (Keris Mas, 1967: 1). Dalam petikan tersebut menjelaskan perasaan jemu yang dihadapi oleh watak Sudin kerana terpaksa menghadapi buku setiap hari. Dalam menuntut ilmu pelbagai cabaran dan dugaan ialah apabila diri individu berasa putus asa dan tidak bersemangat untuk menuntut ilmu. Pengarang berusaha menyampaikan maksud kepada pembaca, walaupun mereka berasa jemu dan berada pada tahap putus asa namun tidak ada perkara yang dapat mengubah nasib mereka selain menuntut ilmu. Mesej yang ingin disalurkan oleh pengarang dalam karya tersebut berkaitan kepentingan ilmu pengetahuan dalam menjadi pemangkin dalam mengubah nasib dan sosioekonomi masyarakat Melayu. Perkara ini ditekankan oleh pengarang dalam novel 'Rimba Harapan' (1986) seperti berikut:

Pak Kia macam hendak menganiaya anak Pak Kia sendiri. Karim ini budak pandai, rajin dan sihat. Saya yakin satu hari nanti anak Pak Kia ini akan jadi orang besar kalau dia diberi pelajaran yang cukup. Bukankah aniaya budak yang begitu bagus dibawa ke hutan?

(Rimba Harapan, 1986:126).

Pengarang memperlihatkan individu yang mendapat pendidikan tidak mampu bergelumbang menjadi petani yang disalurkan oleh pengarang melalui watak pak cik Sudin. Pak cik Sudin dijadikan sebagai simbol masyarakat Melayu yang tidak mahu melakukan kerja-kerja susah dan berat apabila telah mendapat pendidikan tinggi. Lebih gemar makan gaji dan bekerja di pejabat dengan penghawa dingin. Malahan diperlihatkan watak Sudin menyatakan bahawa dia tidak pandai melakukan kerja-kerja kampung kerana tidak terdidik dengan kerjakerja kampung. Mesej tersebut disampaikan oleh pengarang berdasarkan petikan peristiwa berikut:

Dari kecil aku sekolah orang putih. Sudah besar aku jadi kerani. Mana ada kesanggupan aku untuk bekerja macam arwah abang? Engkau orang, lain. Engkau tidak sekolah orang putih, tidak jadi kerani. Engkau semua memang kaum tani jati. Engkau boleh tahan lasak, tahan berlawan dengan pokok getah (Anak Titiwangsa, 1967:47).

"Ini semua salah arwah abang juga," katanya. "Dia mahu kita jadi macam dia tapi kita di sekolah diajar untuk jadi orang lemah, orang lembik, orang yang hanya boleh pegang pen. Kan lebih baik kalau dia dulu suruh aku sekolah terus sampai betul-betul boleh jadi orang besar yang duduk di meja? (Anak Titiwangsa, 1967:47)

"Bagaimana membaiki masyarakat seluruhnya? Pak Cik Samad ada banyak teori kemasyarakatan yang disyarahkannya kepada saya tetapi saya tidak yakin. Terutamanya tentang Karim. Saya fikir Karim akan hancur menjadi abu lama sebelum masyarakat ini sembuh daripada penyakitnya." (Anak Titiwangsa, 1967:74)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat maksud tersirat yang disampaikan oleh pengarang bahawa kelemahan sesuatu bangsa dipengaruhi oleh sikap dan layanan bangsa itu sendiri. Pengarang menyampaikan mesej kepada masyarakat melalui peristiwa di atas bahawa masyarakat Melayu yang diwakili watak Sudin memiliki pelbagai teori dan perancangan untuk membantu masyarakat, namun teori dan perancangan tersebut tidak dilaksanakan dengan baik. Hal ini secara tidak langsung memberikan makna bahawa berdasarkan peristiwa tersebut terdapat tafsiran dan makna tertentu yang hendak disampaikan oleh pengarang tentang pembangunan sosioekonomi masyarakat Melayu. Menurut Ninuk Lustyantie (2012: 1) menyatakan bahawa tanda-tanda dalam karya sastra tulis mempunyai banyak interpretasi makna dan memiliki pluralitas makna yang luas tergantung kepada para pembaca ketika memberi penilaian terhadap teks karya yang dikaji.

Pembangunan sosioekonomi masyarakat Melayu dalam karya *Keris Mas* digambarkan melalui kedaifan keadaan tempat tinggal. Malahan tempat tinggal juga didirikan di tanah kerajaan. Berdasarkan peristiwa di bawah menggambarkan kemiskinan hidup rakyat yang tidak memiliki rumah dan keperluan asas yang sempurna dan mencukupi. Kedaifan hidup rakyat diinterpretasikan oleh pengarang secara rinci melalui simbol-simbol yang menjelaskan tahap kemiskinan yang berada pada aras yang sangat buruk seperti dalam petikan di bawah:

Rumah itu tidak berbilik, hanya bersekat antara bahagian dapur dengan bahagian depan tempat kami duduk itu. Bahagian tempat kami duduk itu adalah kira-kira 18x12 kaki lebarnya. Semua benda ada di situ. Ada tilam buruk lembik tidak digulung tetapi dilipat-lipat sahaja seperti tilam lembik orang di kapal haji. Beberapa buah bantal tidak bersarung, using dan berpeta-peta, bersepah dua tiga biji dekat tilam itu. Ada gendong kain, ada beg plastik buruk, ada cangkul dan ada penggali tersandar pada satu sudut. Seluar, baju kemeja, kain batik baju kurung, dan kain baju anak-anak bergantung di dinding serta ampaian kain yang terentang di tepi dinding. (Anak Titiwangsa, 1967:75)

Berdasarkan petikan di atas menjelaskan kedaifan hidup masyarakat Melayu yang telah merdeka dari penjajahan, namun hidup merempat di negara kelahirannya sendiri. Kemiskinan hidup masyarakat Malaysia disampaikan oleh pengarang dalam karya dengan memperlihatkan simbol-simbol yang menjadi ciri-ciri penting dalam menggambarkan kemiskinan hidup yang berada pada tahap yang sangat buruk seperti keperluan asas yang tidak sempurna dan sangat daif. Pengarang turut memperlihatkan sosial masyarakat Melayu yang menjadi faktor penting terhadap pembangunan ekonomi. Hal ini diperlihatkan dalam petikan berikut:

Saya teringat pula akan Hasyim. Adakah dia juga seperti Mat Nor? Kerja sungguhsungguh? Yang saya tahu dia main sungguhsungguh, memang betul. Tetapi hal kerjanya saya tidak tahu. Dia bukan orang kerja tukang atau orang kerja jentera macam Mat Nor. Dia kerana berbaju bersih. Bapanya pun dahulu bukan orang kerja tukang atau mekanik atau apa-apa yang serupa itu, bukan pula kerani macam Hasyim. Bapa Hasyim muda-mudanya kaya. Pindah ke Kuala Lumpur setelah tanah kampung dan kebun getahnya dijual kepada syarikat lombong. Sudah macam-macam kerja dibuatnya. Jadi broker, jadi ejen motokar dan pelbagai lagi. Dia cuba bersedia untuk anak-anaknya dan untuk dirinya sendiri waktu tua. Tetapi sekarang anaknya yang tua sudah sebelah kakinya dalam neraka. Persediaannya dan rancangannya tidak seperti bapa Mat Nor yang amat sederhana iaitu bekerja bersungguhsungguh, main sungguhsungguh, kerja main-main jangan sekali (Anak Titiwangsa, 1967: 80).

Petikan di atas menunjukkan mesej pengarang bahawa kejayaan dan kekayaan yang dimiliki oleh seorang individu tidak akan dapat diwarisi oleh keturunannya jika anak-anak sebagai penyambung generasi tidak berusaha dan mengekalkan momentum untuk berjaya dan cemerlang dalam kehidupan. Setiap pekerjaan yang dilakukan perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hasil yang lumayan. Seterusnya, di dalam novel *Anak Titiwangsa* (1967) sudah ada cetusan idea untuk menjadi petani moden yang diutarakan oleh pengarang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

"Tapi saya ingat saya mahu jadi orang tani," jawab saya sambil memandang mukanya sebentar. (*Anak Titiwangsa*, 1967:10).

Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan keinginan dan cita-cita watak Sudin untuk menjadi petani moden. Meskipun dalam karya menunjukkan bahawa watak Sudin dihantar ke sekolah oleh pak ciknya untuk bekerja sebagai orang surat khabar atau wartawan setelah tamat pengajian. Pengarang memasukkan peristiwa tersebut sebagai mesej kepada masyarakat Melayu bahawa meskipun telah belajar tinggi namun pekerjaan sebagai petani bukan satu pekerjaan yang tidak boleh dilakukan. Malahan, pekerjaan sebagai petani mendatangkan hasil dan memberi banyak manfaat kepada ekonomi negara. Walaupun karya '*Anak Titiwangsa*' (1967) dihasilkan sebelum Dasar Ekonomi Baru, namun dapat dilihat mesej-mesej penting pengarang dalam memperkenalkan bidang pertanian dalam sistem ekonomi masyarakat Melayu. Secara keseluruhan, novel '*Anak Titiwangsa*' (1967) menjelaskan pandangan pengarang dalam menyampaikan kepentingan ilmu pengetahuan untuk menyediakan diri masyarakat dalam berdepan pelbagai cabaran dalam kehidupan. Selain itu, pengarang turut menyampaikan kepentingan ilmu pengetahuan yang mampu menjadi benteng kepada masyarakat daripada terus terjerumus ke dalam hidup yang melarat. Pengarang menyampaikan teguran kepada masyarakat dalam karyanya menggunakan ayat yang disampaikan dengan makna denotasi dan konotasi.

Seterusnya, masuk ke dalam fasa penubuhan Dasar Ekonomi Baru, dapat dilihat pengarang menjelaskan masyarakat Melayu mula berjinak-jinak dengan dunia perniagaan. Novel '*Rimba Harapan*' (1986) menjelaskan aliran ekonomi masyarakat Melayu yang mula berjinak dengan perniagaan. Namun pengarang menjelaskan masyarakat Melayu masih terbelenggu dengan cara ekonomi lama yang menjadi pegangan turun-temurun, iaitu peltanian secara kecil-kecilan dan dipengaruhi oleh pelbagai pantang-larang. Selain itu, pengarang turut menyampaikan teguran kepada masyarakat yang leka dan terbuai dengan duit yang diperoleh hasil daripada penjualan tanah. Perkara-perkara tersebut disampaikan oleh pengarang sepeni dalam petikan berikut:

Pendekar jangan salah faham. Saya cuma kata orang Ketari. Ingat! Orang Ketari. Orang Benus lain. Mereka memang sudah sejak dulu lagi berhijrah ke Janda Baik. Merekalah yang mula membuka Janda Baik. Tetapi orang Ketari? Kalau tidak kerana kepentingan lombong Tuan Pekok, orang Ketari tidak perlu pindah-randah. Pendekar fikir tak ada kecja, taka da peluang orang Ketari untuk terus menjadi maju dengan kemqjuan Bentong ini? Kalau sawah itu tidak jadi pun orang Ketari masih banyak peluang lain untuk terus hidup di sini. Mengapa Inesti lari ke hutan?

(*Rimba Harapan*, 1986: 80).

Kalau abang berkeras juga hendak ke Janda Baik, apa boleh buat. Memang abang belum dapat memahami fikiran saya. Abang gunakanlah duit jualan tanah bahagian abang untuk meneruskan niat abang hendak terus bersawah ladang, berkampung halaman cara lama. Saya akan gunakan bahagian saya untuk buka kebun beberapa ekar lagi. (Rimba Harapan, 1986, p. 83) Beberapa orang asyik berulang-alik ke Kuala Lumpur dengan bas baru yang berkerusi empuk. Beberapa orang nemenuhi kedai Jalil, pagi dan petang, berjudi main terup keling. Kedai Zaidi makin maju. Orang makin banyak membeli beras Siam atau beras ranggung. Semenjak penjualan tanah selesai sudah ada sebelas orang membeli lampu pam dari kedai Zaidi sahaja. Minyak tanah makin laris. Ada yang membeli pakai tin tidak pakai botol sekati seperti dulu. Susu, ikan sardin pun makin laris. (Rimba Harapan, 1986:87).

Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan keadaan masyarakat Melayu yang terleka dengan kekayaan sementara yang diperoleh hasil harga tanah mereka yang diambil oleh FELDA untuk perladangan besar-besaran. Novel Rimba Harapan (1986) berlatarbelakangkan Ketari, Bentong dan Janda Baik dalam dekad 1920-an dan 1930-an yang mengisahkan dasar penjajahan Yang memaksa masyarakat untuk memperluaskan penanaman getah dan industri perlombongan bijih. Oleh kerana tanah penduduk kampung telah dibeli untuk aktiviti perlombongan, maka orang kampung terpaksa membuka perkampungan baru yang jauh di pedalaman. Karya tersebut memperlihatkan penderitaan yang ditanggung oleh orang Melayu untuk meneroka hutan belantara bagi memulakan hidup baru. Antara salah satu tempat yang diteroka, iaitu Janda Baik.

Seterusnya, sosioekonomi masyarakat Melayu dipengaruhi oleh kepercayaan yang menjadi pegangan dan dianut turun-temurun. Kepercayaan tersebut telah mempengaruhi cara hidup masyarakat Melayu. Pantang larang yang menjadi pegangan masyarakat Melayu telah mempengaruhi produktiviti dan masa kerja orang Melayu. Simbol yang menunjukkan masyarakat Melayu yang tidak mahu menerima perubahan ditandai dengan watak-watak orang tua yang diwakili oleh Pak Kia dalam novel 'Rimba Harapan' (1986). Watak-watak orang tua tersebut digambarkan masih terikat dengan cara hidup lama yang masih mempercayai pantang larang dan upacara-upacara tertentu sebelum menebang atall menerokai hutan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Pak Kia, Pak Abu, sekarang bermulalah kerja kita. Bila saya pukul tetawak ini bacalah al-Fatihah dalam hati. Lepas tujuh hari nanti bolehlah menebang. Jangan lupa pantang arang yang saya katakan semalam. (Rimba Harapan, 1986:135)

Dia pun memukul tetawak itu. Mulanya tiga kali berturut-turut. Kemudian tiga kali lagi. Kemudian lujuh kali dengan pukulan yang makin lama makin cepal. (Rimba Harapan, 1986: 135).

Gegawar itu akan mengingatkan orang bahawa hutan ini sedang dalam pantang. Selama tujuh hari tidak boleh berburu di hutan ini.

Berdasarkan petikan di atas memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu terikat dengan adat dan pantang larang yang menjadi pegangan turun-temurun. Disebabkan terikat dengan pantang larang maka masyarakat Melayu dihalang berburu dan menebang hutan selama tujuh hari dari hari upacara tersebut dilangsungkan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masyarakat Melayu ketinggalan dari masyarakat lain kerana pantang tujuh hari yang tidak mengizinkan mereka melakukan aktiviti pekerjaan seperti biasa. Selain itu, mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang di sebalik peristiwa upacara dan pantang larang tersebut menunjukkan keadaan sosial budaya masyarakat Melayu yang masih terikat dengan budaya lama walaupun telah menerima agama Islam. Ninuk Lustyantie (2012:1) yang turut memperkatakan

pendekatan semiotik Roland Barthes menyatakan bahawa, tanda-tanda dalam karya sastra tulis mempunyai banyak interpretasi makna dan memiliki pluralitas makna yang luas tergantung kepada para pembaca ketika memberi penilaian terhadap teks karya yang dikaji.

RUMUSAN

Dapat dirumuskan, Keris Mas menggambarkan sosioekonomi masyarakat Melayu pada era Dasar Ekonomi Baru yang berusaha untuk memperbaiki keadaan ekonomi masyarakat yang berada pada tahap yang masih di takuk lama meskipun masyarakat China terus bangkit dan menjadi satu kuasa ekonomi yang besar di Malaysia. Keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu dipengaruhi oleh sikap masyarakat Melayu yang tidak mudah menerima perubahan dunia dan terus berpegang dengan ekonomi tradisional. Masyarakat Melayu juga digambarkan cepat berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh. Karya Keris Mas sarat dengan permasalahan sosial masyarakat yang dibelenggu oleh isu sosioekonomi yang dipengaruhi konflik antara golongan tradisi dengan golongan moden, iaitu golongan yang mahu menerima perubahan dan masyarakat yang terikat dengan adat dan budaya turun-temurun.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- A. Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHE Excell Resources
- Barthes, Roland. (1972). *Mythologies*. (Terj). Lavers, Annette. New York: Hill and Wang.
- Barthes, Roland. (1975). *The pleasure of the text*. (Terj). Miller, Richard. New York: Hill and Wang.
- Barthes, Roland. (1977). *Image music text*. (Terj). Heath, Stephen. New York: Hill and Wang.
- Dasar Ekonomi Baru. Diakses pada 23 Disember 2020 dari [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03dasar Ekonomi Baru.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03dasar%20Ekonomi%20Baru.pdf).
- Kamaludin Muhammad. (1986). *Rimba Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaludin Muhammad. (1967). *Anak Titiwangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas. *Jurnal Iman* 3 (2), 1-25.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2018). Fenomena sosial dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. *Jurnal International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, Volume 6, No. 1, 95-116.
- Ninuk Lustyantje. (2012). Pendekatan semiotik Model Roland Barthes dalam karya sastra Perancis. *Seminar Nasional FIB UI*, 19 Disember 2012, p. 1-12.
- Wan Anis Ilani Wan Kamaruddin dan Haslina Haroon. (2019). Terjemahan ritual Islam dalam novel Rimba Harapan kepada Bahasa Perancis. *Jurnal Kesusasteraan Melayu*, 279-310.